BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

BNM
Buletin Suku Tahunan

Vol. 37 No. 1

Suku Pertama 2022

S1

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Halaman sengaja dikosongkan.

Kandungan

MS 5 Sorotan Penting

MS 7 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

MS 11 Perkembangan Ekonomi Malaysia

MS 27 Perkembangan Monetari dan Kewangan

MS 33 Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

MS 37 Tinjauan Makroekonomi

MS 39 Tambahan

Halaman sengaja dikosongkan.

Sorotan Penting: S1 2022

KDNK terus berkembang pada S1 2022 berikutan permintaan dalam negeri yang bertambah baik

KDNK meningkat sebanyak 5.0% apabila aktiviti dalam negeri bertambah baik sementara perdagangan luaran kekal kukuh

Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Komponen KDNK Terpilih
Perubahan tahunan (%)

Permintaan

+5.5% **Penggunaan swasta**

+8.0% **Eksport barangan dan perkhidmatan**

Penawaran

+6.5% **Perkhidmatan**

+6.6% **Perkilangan**

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana pada S1 2022 disebabkan terutamanya oleh kesan asas yang luput

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada inflasi (mata peratusan)



Faktor yang mempengaruhi inflasi pada S1 2022

Bahan Api
Sumbangan yang lebih kecil daripada bahan api berikutan luputnya kesan asas daripada harga runcit bahan api dalam negeri yang lebih rendah pada tahun lepas

Barangan lain yang harganya ditadbir
Ketiadaan kesas asas daripada rebat tarif elektrik[1] yang dilaksanakan pada tahun 2020

Diimbangi sebahagiannya oleh

Inflasi teras[2]
Peningkatan inflasi teras (S1 22: 1.7%; S4 21: 0.8%) berikutan persekitaran kos yang tinggi dan permintaan yang bertambah baik, dengan inflasi berkaitan perkhidmatan sebagai pemacu utama[3]

Barangan yang harganya tidak menentu
Inflasi sayur-sayuran segar yang lebih tinggi disebabkan oleh faktor bermusim dan kos input yang lebih tinggi

[1] Rebat tarif elektrik bertngkat dilaksanakan di bawah skim Bantuan Prihatin Elektrik daripada bulan April hingga Disember 2020, lantas menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi pada tahun 2021 apabila berakhirnya rebat itu. Rebat tersebut adalah antara 2% hingga 50% bergantung pada penggunaan elektrik bulanan pengguna domestik.
[2] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.
[3] Penyumbang utama terhadap inflasi perkhidmatan teras yang lebih tinggi adalah makanan di luar rumah dan pada tahap yang lebih rendah, pembaikan dan penyelenggaraan untuk pengangkutan persendirian, serta perbelanjaan di restoran dan kafe.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Halaman sengaja dikosongkan.

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Sorotan

- Pertumbuhan global menjadi sederhana pada suku pertama tahun 2022.
- Eksport serantau kekal berdaya tahan.
- Volatiliti pasaran kewangan global meningkat.

Pertumbuhan global sederhana

Pertumbuhan global menjadi sederhana pada suku pertama tahun 2022. Pemulihan aktiviti perkhidmatan pada mulanya terjejas akibat penularan semula COVID-19 yang disebabkan oleh Omicron namun keadaan ini bertambah baik apabila ekonomi maju dan kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun melonggarkan sekatan pada penghujung suku itu. Walau bagaimanapun, momentum pemulihan telah diperlahankan oleh konflik ketenteraan di Ukraine serta sekatan pergerakan yang dilaksanakan semula di China. Perkembangan ini menyebabkan peningkatan semula gangguan rantaian bekalan global dan kenaikan harga komoditi yang seterusnya meningkatkan lagi tekanan inflasi. Walaupun sektor perkilangan terus kukuh di ekonomi maju, aktiviti perkilangan di ekonomi sedang pesat membangun telah terjejas akibat gangguan yang disebabkan oleh COVID-19 di China. Namun begitu, aktiviti perdagangan global kekal berdaya tahan.

R1 **Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih**

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan ekonomi AS menjadi sederhana kepada 3.6% (S4 2021: 5.5%) pada suku itu, disebabkan sebahagiannya oleh cabaran daripada penularan semula COVID-19 yang disebabkan oleh Omicron dan tekanan inflasi yang semakin meningkat ke atas penggunaan swasta. Inflasi terus meningkat berikutan keadaan permintaan yang kukuh, bersama-sama dengan peningkatan tekanan harga susulan konflik ketenteraan di Ukraine yang semakin meruncing. Pertumbuhan upah kekal kukuh apabila kadar pengangguran meningkat ke paras sebelum berlakunya pandemik.

Di kawasan euro, ekonomi berkembang sebanyak 5.0% (S4 2021: 4.7%), disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam pasaran pekerja. Walau bagaimanapun, konflik ketenteraan menjejaskan pertumbuhan di rantau itu disebabkan oleh tahap ketidaktentuan yang tinggi dan inflasi yang meningkat, didorong terutamanya oleh harga tenaga yang tinggi. Keadaan ini telah menjejaskan keyakinan pengguna dan perniagaan. Gangguan terhadap kegiatan ekonomi di Ukraine, Rusia dan China turut menjejaskan rantaian bekalan dan aktiviti perkilangan di kawasan euro.

Di China, ekonomi berkembang sebanyak 4.8% (S4 2021: 4.0%). Pelaburan tetap meningkat semula pada suku tersebut terutamanya dalam infrastruktur, disokong oleh pelonggaran dasar fiskal dan monetari. Walau bagaimanapun, pelaksanaan semula sekatan pergerakan berikutan berlakunya wabak COVID-19 menyebabkan kemerosotan aktiviti perkhidmatan dan turut menjejaskan aktiviti perkilangan pada tahap yang lebih rendah. Pertumbuhan eksport kekal berdaya tahan apabila beberapa syarikat terus beroperasi meskipun sekatan pergerakan dilaksanakan. Kesinambungan perniagaan telah dipermudahkan pada tahap tertentu kerana syarikat diberikan fleksibiliti untuk beroperasi secara bersendirian dengan prosedur operasi standard yang ketat.

Pertumbuhan eksport serantau kekal berdaya tahan

Meskipun berhadapan dengan persekitaran luaran yang mencabar, eksport di kebanyakan ekonomi serantau berkembang pada kadar dua digit pada suku tersebut. Peningkatan ini mencerminkan permintaan luaran yang berterusan, terutamanya bagi produk elektrik dan elektronik (E&E). Pengeksport komoditi seperti Indonesia dan Malaysia juga terus mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi.

R2 Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

R3 Indeks Volatiliti (VIX) CBOE



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan global meningkat

Keadaan pasaran kewangan global mengalami peningkatan volatiliti pada suku itu (CBOE VIX, S1 2022: 25.3; S4 2021: 19.2). Volatiliti meningkat menjelang mesyuarat US Federal Open Market Committee (FOMC) pada bulan Januari. Hal ini disebabkan terutamanya oleh ketidaktentuan yang meningkat berhubung dengan kadar dasar monetari yang semakin ketat berikutan persekitaran inflasi yang terus meningkat. Peningkatan mendadak yang kedua dalam volatiliti berlaku apabila tercetusnya konflik ketenteraan di Ukraine pada 24 Februari 2022. Ketidaktentuan dalam prospek ekonomi global telah meningkat dalam keadaan harga komoditi yang tinggi, konflik ketenteraan, sekatan yang dikenakan ke atas Rusia dan kebimbangan terhadap pertumbuhan yang semakin lemah di China.

Purata harga minyak mentah Brent lebih tinggi pada USD98 setong pada suku itu (purata S4 2021: USD80 setong). Harga minyak didorong terutamanya oleh permintaan minyak global yang terus meningkat dalam keadaan berlakunya pemotongan pengeluaran OPEC+ yang berterusan. Konflik ketenteraan di Ukraine juga mencetuskan kebimbangan terhadap keadaan bekalan minyak global yang semakin ketat lantas menambahkan premium risiko yang lebih besar terhadap harga.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Sorotan

- Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.0% pada suku pertama tahun 2022.
- Inflasi keseluruhan menjadi sederhana kepada 2.2% apabila inflasi teras meningkat kepada 1.7% pada suku pertama.
- Lebihan akaun semasa yang lebih rendah sebanyak RM3.0 bilion, atau 0.7% daripada KDNK

KDNK terus berkembang pada suku pertama tahun 2022

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.0% pada suku pertama tahun 2022 (S4 2021: 3.6%). Pertumbuhan disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang lebih tinggi apabila kegiatan ekonomi terus kembali normal berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan. Peningkatan ini juga mencerminkan pemulihan dalam pasaran pekerja serta sokongan dasar yang berterusan. Selain itu, permintaan luar negeri yang kukuh berikutan peningkatan kitaran teknologi global yang berterusan meningkatkan lagi pertumbuhan. Dari segi kegiatan ekonomi, sektor perkhidmatan dan sektor perkilangan terus memacu pertumbuhan. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi mencatatkan peningkatan sebanyak 3.9% (S4 2021: 4.6%).

R4 **Pertumbuhan KDNK Benar**

Perubahan dalam tempoh (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R5 Pertumbuhan Tahunan KDNK Mengikut Sektor Ekonomi

Pertumbuhan tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R6 Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor ekonomi utama terus berkembang

Sektor ekonomi utama berkembang pada suku pertama tahun 2022. Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.5% (S4 2021: 3.2%). Kegiatan berkaitan pengguna terus pulih berikutan pembukaan semula ekonomi. Hal ini dicerminkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor runcit dan subsektor berkaitan rekreasi. Pengembangan yang kukuh ini juga diperhatikan dalam aktiviti berkaitan perniagaan, termasuk pengangkutan dan penyimpanan, harta tanah, perkhidmatan perniagaan dan penjagaan kesihatan swasta. Pertumbuhan dalam subsektor maklumat dan komunikasi memberikan sokongan selanjutnya berikutan liputan perkhidmatan 4G yang lebih luas serta permintaan yang berterusan untuk perkhidmatan data komunikasi, khususnya bagi aktiviti e-dagang dan e-pembayaran.

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 6.6% (S4 2021: 9.1%). Industri berorientasikan eksport meningkat secara lebih sederhana apabila pertumbuhan yang kukuh dalam kelompok E&E sebahagiannya terjejas akibat pertumbuhan kelompok berkaitan sumber yang lebih rendah. Pertumbuhan dua angka yang dicatatkan oleh kelompok E&E didorong oleh permintaan yang mantap untuk semikonduktor berikutan perkembangan teknologi seperti 5G, pengkomputeran awan dan Objek Rangkaian Internet (Internet of Things). Walau bagaimanapun, pertumbuhan kelompok berkaitan sumber menjadi sederhana apabila pengeluaran produk terpilih yang berkaitan dengan pandemik seperti sarung tangan getah mula kembali normal. Sementara itu, industri berorientasikan dalam negeri bertambah pulih selepas tamatnya langkah-langkah pembendungan. Kelompok berkaitan pengguna terus berkembang, terutamanya dalam segmen kenderaan motor dan peralatan pengangkutan apabila pembuat kereta meningkatkan pengeluaran untuk memenuhi tunggakan pesanan. Permintaan untuk bahan binaan seperti logam, logam yang direka dan mineral bukan logam terus meningkat susulan penguncupan yang lebih kecil dalam aktiviti pembinaan.

Sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.2% (S4 2021: 2.8%). Pengeluaran minyak sawit berkembang secara sederhana apabila aktiviti penuaian kelapa sawit di negeri-negeri pengeluaran utama terganggu sementara disebabkan hujan lebat pada awal tahun. Pertumbuhan juga terjejas akibat penurunan dalam subsektor pertanian lain, perhutanan dan getah.

Sektor pembinaan menguncup pada kadar yang lebih kecil sebanyak 6.2% (S4 2021: -12.2%). Kemajuan dalam projek komersial dan industri yang baharu dan sedia ada terus menyokong aktiviti subsektor bukan kediaman. Sementara itu, pertumbuhan dalam aktiviti pertukangan khas menjadi mampan berikutan pelaksanaan projek berskala kecil di bawah Bajet 2022. Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam dan kediaman meningkat tetapi kekal lemah.

Sektor perlombongan terus menguncup (-1.1%; S4 2021: -0.6%), apabila pengeluaran minyak mentah dan gas asli terjejas akibat penutupan beberapa loji untuk kerja penyelenggaraan. Meskipun demikian, permulaan operasi kawasan telaga gas Pegaga di Blok SK320 yang terletak di luar pesisir Sarawak pada bulan Mac 2022 memberikan sokongan kepada pertumbuhan.

R7 Pertumbuhan Tahunan KDNK Benar Mengikut Komponen Perbelanjaan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R8 Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri lebih tinggi

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 4.4% (S4 2021: 1.9%) pada suku pertama tahun 2022. Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti penggunaan yang lebih tinggi dan aktiviti pelaburan yang bertambah baik berikutan keadaan kegiatan ekonomi yang kembali normal. Dalam sektor luaran, permintaan untuk eksport Malaysia terus kukuh, terutamanya produk E&E.

Penggunaan swasta berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 5.5% (S4 2021: 3.7%), disokong oleh peningkatan perbelanjaan ke atas barangan keperluan dan barangan budi bicara terpilih seperti restoran dan hotel, perkhidmatan rekreasi dan hiasan isi rumah. Perbelanjaan pengguna yang terus kukuh didorong terutamanya oleh pemulihan pasaran pekerja dengan upah yang lebih tinggi dan pertumbuhan pekerjaan. Langkah-langkah dasar seperti Bantuan Keluarga Malaysia juga memberikan sokongan tambahan kepada perbelanjaan pengguna.

Penggunaan awam meningkat sebanyak 6.7% (S4 2021: 1.6%). Pengembangan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi berikutan sokongan yang berterusan daripada perbelanjaan berkaitan COVID-19, termasuk pembelian vaksin dan perbelanjaan logistik.

Aktiviti pelaburan bertambah baik

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.2% (S4 2021: -3.0%) disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dan sektor awam yang bertambah baik. Dari segi jenis aset, pertumbuhan pelaburan untuk jentera dan kelengkapan (*machinery and equipment*, M&E) meningkat sebanyak 12.0% (S4 2021: 17.4%). Sementara itu, pelaburan dalam struktur dan aset-aset lain terus menurun, namun pada kadar yang lebih kecil masing-masing sebanyak 7.9% (S4 2021: -15.6%) dan 0.9% (S4 2021: -3.3%).

Pelaburan swasta kembali pulih untuk mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.4% (S4 2021: -2.8%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan dalam peralatan dan jentera berkaitan ICT untuk perkilangan kekal kukuh apabila syarikat terus menerapkan automasi dan pendigitalan. Pelaburan struktur mencatatkan penguncupan yang lebih kecil, disokong terutamanya oleh segmen bukan kediaman. Hal ini mencerminkan peningkatan projek pelaburan secara beransur-ansur berikutan pembukaan semula ekonomi.

Pelaburan awam menurun pada kadar yang lebih kecil (-0.9%; S4 2021: -3.4%), disokong oleh peningkatan perbelanjaan aset tetap oleh Kerajaan Am.

R9 Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana pada suku pertama

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada 2.2% pada suku pertama (S4 2021: 3.2%). Inflasi keseluruhan yang lebih rendah pada suku itu mencerminkan terutamanya sumbangan yang lebih kecil daripada luputnya kesan asas harga bahan api runcit domestik yang lebih rendah tahun lepas (RON 95 pada S1 2022: RM2.05/liter; S1 2021: RM1.96/liter) serta ketiadaan kesan asas daripada rebat tarif elektrik yang dilaksanakan pada tahun 2020.[1] Kesan penyederhanaan daripada faktor-faktor ini sebahagiannya diimbangi oleh inflasi teras dan inflasi harga tidak menentu yang lebih tinggi.

Inflasi teras meningkat kepada 1.7% pada suku pertama (S4 2021: 0.8%), mencerminkan gabungan keadaan yang kembali normal selepas satu tempoh harga yang rendah dan pelarasan harga yang berterusan dalam keadaan persekitaran kos tinggi serta keadaan permintaan yang bertambah baik. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh inflasi perkhidmatan teras yang lebih tinggi, terutamanya untuk *makanan di luar rumah* dan pada tahap yang lebih rendah, *pembaikan dan penyelenggaraan untuk pengangkutan persendirian* serta *perbelanjaan di restoran dan kafe*. Inflasi barangan teras juga meningkat, dengan pendorong terbesar adalah daripada *barang kemas, cincin dan batu berharga* serta diikuti oleh *perabot dan hiasan rumah*. Sementara itu, peningkatan inflasi harga yang tidak menentu disumbangkan terutamanya oleh inflasi *sayur-sayuran segar* yang lebih tinggi, disebabkan faktor bermusim dan tekanan kos daripada gangguan berkaitan bekalan.[2] Berikutan itu, bahagian barangan IHP yang mencatatkan peningkatan harga secara relatifnya lebih tinggi sepanjang suku pertama dengan purata sebanyak 57.3% (S4 2021: 52%; purata 2011-2019: 45%).

[1] Rebat tarif elektrik bertingkat dilaksanakan di bawah skim Bantuan Prihatin Elektrik mulai April hingga Disember 2020, lantas menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi pada tahun 2021 apabila rebat itu luput. Rebat tersebut adalah antara 2% hingga 50% bergantung pada penggunaan elektrik bulanan pengguna domestik.

[2] Contohnya, faktor ini termasuk keadaan cuaca yang buruk, kekurangan tenaga kerja asing, kos makanan ternakan yang meningkat dan kos baja.

R10 Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan, mp)



Barangan lain yang harganya ditadbir (mp)
Bahan api (mp)
Inflasi teras* (mp)
Barangan yang harganya tidak menentu (mp)
Inflasi keseluruhan (%)
Inflasi teras* (%)

* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

R11 Perubahan Bulan ke Bulan dalam Harga Barangan IHP*

Peratusan barangan IHP (%)



Harga menurun
Harga tidak berubah
Harga meningkat

* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja semakin bertambah baik

Pasaran pekerja terus pulih pada suku pertama tahun 2022 apabila kegiatan ekonomi diteruskan. Kadar pengangguran terus menurun kepada 4.1% (S4 2021: 4.3%). Hal ini didorong oleh peningkatan guna tenaga yang teguh (+134 ribu orang) di samping pengembangan kukuh dalam tenaga kerja yang berterusan (+111 ribu orang). Hasilnya, kadar penyertaan tenaga kerja meningkat kepada 69.0% daripada penduduk umur bekerja, menghampiri kadar sebelum pandemik (S4 2021: 68.7% S4 2019: 69.1%). Sementara itu, jumlah penduduk luar tenaga kerja berkurang kepada 7.29 juta orang (S4 2021: 7.36 juta orang) yang menunjukkan kemasukan semula pekerja yang berterusan ke dalam tenaga kerja. Kadar guna tenaga tidak penuh menurun kepada 1.5% daripada tenaga kerja (S4 2021: 1.8%).

Pemberhentian pekerja juga menurun pada suku pertama (10,433 orang; S4 2021: 10,878 orang).

Kadar penempatan pekerja dalam pekerjaan baharu kekal mampan (41 orang bagi setiap 100 orang yang diberhentikan; S4 2021: 45 orang). Keadaan ini menandakan kadar pengambilan pekerja yang kembali normal di samping kadar pemberhentian yang lebih rendah dalam ekonomi.

Upah sektor swasta turut bertambah baik pada suku pertama tahun 2022, dengan pertumbuhan sebanyak 4.7% pada asas tahunan (S4 2021: 2.5%). Upah dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 4.1% (S4 2021: 4.7%), didorong oleh pertumbuhan yang teguh dalam subsektor E&E, makanan dan minuman serta tembakau, serta produk kayu, perabot dan kertas. Sementara itu, upah bagi sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh (5.0%; S4 2021: 1.2%), disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan, serta maklumat dan komunikasi. Pada asas suku tahunan, upah sektor swasta terus mencatatkan trend yang bertambah baik dengan peningkatan sebanyak 1.7% (S4 2021: 4.5%).

R12 Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah

Perubahan tahun ke tahun (%)



Nota: Kadar pertumbuhan gaji sektor swasta merujuk kepada pertumbuhan gaji pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R13 Tuntutan Pengangguran dan Kadar Penempatan Pekerjaan



Nota: Tuntutan pengangguran merujuk bilangan penganggur yang memohon manfaat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berikutan kehilangan pekerjaan. Kadar penempatan pekerjaan merujuk bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang diberhentikan kerja.

Sumber: Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial

R14 Eksport Kasar Mengikut Keluaran dan Pasaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan eksport kasar yang mantap

Eksport kasar meningkat sebanyak 22.2% (S4 2021: 29.0%), mencerminkan pengembangan yang menyeluruh merentas produk berikutan permintaan luaran yang terus kukuh dan harga komoditi yang lebih tinggi. Import kasar meningkat sebanyak 25.2% (S4 2021: 29.6%), didorong oleh pertumbuhan import barangan perantaraan. Lebihan dagangan[3] mengecil kepada RM65.1 bilion (S4 2021: RM76.2 bilion).

Eksport perkilangan meningkat sebanyak 17.8% (S4 2021: 26.6%), didorong terutamanya oleh eksport E&E yang lebih kukuh (27.2%, S4 2021: 20.6%). Eksport bukan E&E mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 10.5% (S4 2021: 31.8%), disebabkan terutamanya oleh eksport produk petroleum dan kimia, produk perkilangan berasaskan minyak sawit serta keluaran logam. Pertumbuhan eksport komoditi kekal mantap pada 54.0% (S4 2021: 45.0%), disokong terutamanya oleh eksport minyak sawit mentah, gas asli cecair dan minyak mentah berikutan harga komoditi yang lebih tinggi.

Import barangan perantaraan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 29.2% (S4 2021: 36.2%) sejajar dengan eksport perkilangan yang berkembang. Import penggunaan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 24.5% (S4 2021: 15.5%) berikutan pertumbuhan penggunaan swasta yang lebih pantas. Pertumbuhan import modal terus kukuh pada 17.9% (S4 2021: 22.6%) yang disokong oleh aktiviti pelaburan.

[3] Lebihan barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan hak milik) adalah dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi ke-6 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa.

R15 Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa lebih rendah

Akaun semasa imbangan pembayaran mengecil kepada RM3.0 bilion atau 0.7% daripada KDNK pada suku pertama (S4 2021: RM15.3 bilion atau 3.6% daripada KDNK), didorong oleh lebihan barangan yang lebih rendah.

Lebihan barangan mengecil kepada RM40.5 bilion (S4 2021: RM51.8 bilion) apabila pertumbuhan import mengatasi pertumbuhan eksport berikutan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Akaun perkhidmatan mencatatkan defisit yang secara keseluruhannya mampan (-RM15.0 bilion; S4 2021: -RM15.4 bilion) pada suku pertama.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit sebanyak RM20.1 bilion (S4 2021: -RM19.6 bilion) berikutan pendapatan pelaburan terakru yang berterusan kepada pelabur asing di Malaysia. Defisit pendapatan sekunder meningkat kepada RM2.5 bilion (S4 2021: -RM1.4 bilion), mencerminkan terutamanya penerimaan yang lebih rendah dari luar negeri.

R16 Pelaburan Langsung Mengikut Sektor



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih.
Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

R17 Pelaburan Portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi

Akaun kewangan mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi dengan ketara sebanyak RM30.4 bilion (S4 2021: +RM0.7 bilion). Hal ini mencerminkan aliran masuk bersih pelaburan langsung dan pelaburan lain yang besar, yang lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih pelaburan portfolio.

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM20.8 bilion (S4 2021: +RM10.5 bilion), disokong oleh pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) yang lebih tinggi (+RM24.4 bilion, S4 2021: +RM18.5 bilion). Aliran masuk ini didorong oleh suntikan ekuiti yang lebih tinggi (+RM5.4 bilion; S4 2021: +RM3.5 bilion) dan aliran masuk hutang (+RM10 bilion; S4 2021: +RM0.8 bilion). FDI ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan dan subsektor perkhidmatan kewangan. Pelaburan langsung ke luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) menjadi sederhana (-RM3.6 bilion; S4 2021: -RM7.9 bilion) apabila pelaburan luar negara, terutamanya dalam sektor perkilangan, diimbangi sebahagiannya oleh pembayaran balik pinjaman dari syarikat gabungan di luar negeri.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM10.1 bilion (S4 2021: +RM2.6 bilion). Aliran keluar bersih ini disebabkan terutamanya oleh pelaburan portfolio pemastautin di luar negara yang lebih tinggi (-RM13.9 bilion; S4 2021: -RM6.1 bilion), yang terus didorong oleh pelaburan ekuiti oleh pelabur institusi. Aliran masuk pelaburan portfolio bukan pemastautin bersih menjadi sederhana (+RM3.8 bilion; S4 2021: +RM8.7 bilion), disebabkan oleh aliran keluar dalam sekuriti hutang (-RM4.7 bilion; S42021: +RM5.9 bilion). Walau bagaimanapun, pemerolehan sekuriti ekuiti domestik oleh pelabur bukan pemastautin meningkat kepada RM8.5 bilion (S4 2021: +RM2.8 bilion).

Akaun pelaburan lain berubah arah untuk mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM19.6 bilion (S4 2021: -RM10.6 bilion). Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank oleh sistem perbankan domestik dan penempatan deposit secara domestik oleh entiti bukan pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM20.6 bilion pada suku pertama, atau sebanyak -3.3% daripada jumlah perdagangan.

R18 Perubahan dalam Hutang Luar Negeri



¹ Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
² Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM1,111.2 bilion, atau 69.6% daripada KDNK pada akhir bulan Mac 2022 (akhir bulan Disember 2021: RM1,082.1 bilion atau 70.0% daripada KDNK). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi, yang diimbangi sebahagiannya oleh pembayaran balik bersih bon dan nota.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berikutan profil mata wang dan profil tempoh matangnya yang bersesuaian. Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit berjumlah RM381.3 bilion dan mencakupi 34.3% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan Disember 2021: masing-masing RM373.0 bilion dan 34.5%). Sebahagian besar daripadanya adalah dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 67.7% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan deposit dalam denominasi ringgit (bahagian sebanyak 15.9%) dalam institusi perbankan pemastautin. Liabiliti ini tidak dipengaruhi oleh turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY) mencakupi baki RM729.9 bilion, atau 65.7% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan Disember 2021: RM709.1 bilion dan 65.5%). Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM193.7 bilion, mencakupi 26.5% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY dan diterbitkan terutamanya oleh syarikat bukan kewangan. Terbitan ini tertakluk pada keperluan kehematan dan keperluan lindung nilai BNM. Pinjaman antara syarikat berkaitan, yang diterbitkan antara entiti asing yang berkaitan dan mencakupi 14.5% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, secara umumnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 32.3% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Peningkatan peminjaman antara bank dan deposit disebabkan terutamanya oleh amalan pengurusan mudah tunai berpusat kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBG) apabila FCY yang diperoleh di luar negeri seterusnya ditempatkan dengan bank sekutu asing. Peningkatan

R19 Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

ini sebahagiannya disumbang oleh pemerolehan dana oleh bank-bank asing kecil yang diperbadankan di Malaysia daripada bank induk di luar negeri untuk menguruskan keperluan mudah tunai FCY operasi domestik, manakala beberapa DBG menyalurkan dana antara bank dan deposit FCY kepada aktiviti pemberian pinjaman dan pelaburan domestik. Selain itu, peminjaman antara bank oleh bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC) juga meningkat bagi membiayai aktiviti susulan pemberian pinjaman (*on-lending*), meskipun hal ini sebahagian besarnya diimbangi oleh pembayaran balik pinjaman yang lebih besar kepada ibu pejabat oleh sesetengah bank. Secara keseluruhan, peminjaman antara kumpulan daripada pihak berkaitan di luar negeri terus menguasai jumlah peminjaman antara bank dalam sistem perbankan, yang mencakupi kira-kira 80% daripada jumlah itu, dan secara amnya lebih stabil lantas mengehadkan risiko pelanjutan (*rollover risks*) yang dihadapi oleh bank-bank. Sementara itu, risiko mata wang asing bagi bank, yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FCY[4], kekal rendah pada 4.3% daripada jumlah modal bank-bank (akhir bulan Disember 2021: 4.0%).

Dari segi tempoh matang, 61.5% daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai tempoh jangka sederhana hingga panjang (akhir bulan Disember 2021: 62.5%), lantas mengehadkan risiko pelanjutan. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 38.5% daripada hutang luar negeri (akhir bulan Disember 2021: 37.5%). Yang ketara, sebanyak 43.6% daripada hutang luar negeri jangka pendek adalah dalam bentuk peminjaman antara syarikat berkaitan daripada bank induk atau syarikat yang berkaitan di luar negeri. Kira-kira 16.8% lagi merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport dan terbiaya sendiri. Pada 29 April 2022, rizab antarabangsa berjumlah USD112.5 bilion yang memadai untuk membiayai 5.7 bulan import barangan dan perkhidmatan[5] dan 1.1 kali hutang jangka pendek.

[4] Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau jangka panjang bagi semua mata wang merentas industri perbankan.

[5] Untuk maklumat lanjut tentang penunjuk ini, sila rujuk rencana mengenai "Peluasan Ukuran Liputan Rizab bagi Import – daripada Import Tertangguh kepada Import Barangan dan Perkhidmatan" pada halaman 27, penerbitan Buletin Suku Tahunan BNM Suku Keempat 2021, yang boleh diakses melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6118085/qb2021q4_bm_box_imports.pdf.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Sorotan

- Keadaan pasaran kewangan domestik mengetat sedikit pada S1 2022 berikutan kadar hasil bon yang lebih tinggi, manakala pasaran ekuiti bertambah baik.
- Nilai ringgit menurun berbanding dengan dolar AS, sejajar dengan pergerakan mata wang serantau berikutan kekukuhan dolar AS yang meluas.
- Kadar runcit nominal kekal stabil manakala kadar antara bank menjadi sederhana.
- Pembiayaan bersih terus menyokong kegiatan ekonomi.

Kadar hasil bon meningkat disebabkan oleh perkembangan luaran

Pada suku pertama tahun 2022, sentimen pasaran kewangan global telah terjejas oleh perkembangan berhubung dengan konflik di Ukraine, pengembalian dasar monetari ke paras wajar oleh Federal Reserve AS yang lebih cepat daripada jangkaan, dan jangkaan pertumbuhan China yang semakin perlahan berikutan pelaksanaan sekatan pergerakan yang disebabkan oleh kes COVID-19 yang tinggi. US Federal Open Market Committee (FOMC) menaikkan kadar dana persekutuannya sebanyak 25 mata asas buat kali pertama sejak tahun 2018 dalam mesyuarat pada bulan Mac dan 50 mata asas lagi dalam mesyuarat pada bulan Mei. Tindakan ini diambil untuk membendung tekanan inflasi yang tinggi di samping keadaan pasaran pekerja yang ketat. FOMC juga mengumumkan

R20 **Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia**



Sumber: Bank Negara Malaysia

bahawa ia akan mengurangkan pemegangan bagi sekuriti Perbendaharaan dan sekuriti bersandarkan gadai janji agensi sebanyak USD47.5 bilion setiap bulan mulai 1 Jun dan sebanyak USD95 bilion setiap bulan mulai bulan September.

Akibatnya, keadaan kewangan global menjadi semakin ketat, dengan intensiti yang berbeza merentas rantau dan negara, mencerminkan perbezaan dari segi dedahan kepada dagangan komoditi dan hubungan perdagangan dengan negara yang mengalami konflik. Bagi Malaysia, keadaan kewangan domestik semakin ketat dengan hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun meningkat masing-masing sebanyak 37.7, 27.6 dan 29.5 mata asas. Pelarasan ini, secara relatif adalah lebih kecil berbanding dengan peningkatan[6] kadar hasil bon dalam ekonomi serantau[7].

Ringgit menurun nilai berbanding dengan dolar AS berikutan kekukuhan dolar AS yang meluas

Dalam pasaran pertukaran asing, nilai ringgit menurun sebanyak 0.7% berbanding dengan dolar AS (S4 2021: +0.3%), sejajar dengan pergerakan mata wang serantau dalam keadaan kekukuhan dolar AS yang meluas dan sentimen penghindaran risiko global. Harga komoditi yang lebih tinggi terus mengurangkan tekanan terhadap penurunan nilai ringgit daripada faktor-faktor luaran.

R21 Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Reuters

[6] Purata peningkatan bagi kadar hasil bon 10 tahun di negara-negara serantau adalah sebanyak 63.4 mata asas.
[7] Ekonomi serantau termasuk Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Korea.

R22 Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Pasaran equiti domestik bertambah baik

FBM KLCI meningkat berikutan prospek pendapatan korporat yang lebih baik disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi, pemulihan berterusan dalam kegiatan ekonomi dalam negeri dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. FBM KLCI didorong oleh prestasi positif dalam sektor perladangan (+21.4%), perkhidmatan kewangan (+7.8%) dan perkhidmatan pembinaan (+4.8%).

Kadar runcit nominal kekal stabil manakala kadar antara bank menjadi sederhana

Kadar faedah nominal dalam pasaran borong lebih rendah pada suku pertama tahun 2022 apabila keadaan pasaran antara bank yang lebih ketat menjelang akhir tahun 2021 menjadi longgar pada bulan Januari[8]. Khususnya, penanda aras KLIBOR 3 bulan menurun sebanyak 8 mata asas untuk mengakhiri suku tersebut pada 1.97% (S4 2021: 2.05%).

Kadar pinjaman runcit kekal stabil pada suku tersebut, dengan kadar asas (*base rate*, BR) purata berwajaran dan kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul kekal tidak berubah, masing-masing pada 2.43% dan 3.87%.

Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) nominal juga stabil pada suku tersebut, merentas tempoh 1 hingga 12 bulan. Namun begitu, kadar FD[9] benar menurun pada suku pertama, mencerminkan jangkaan inflasi yang lebih tinggi apabila kegiatan ekonomi terus kembali normal dalam keadaan persekitaran kos input yang tinggi.

[8] Kadar antara bank yang lebih tinggi menjelang akhir tahun adalah berikutan kecenderungan bank-bank untuk memilih pembiayaan yang lebih stabil apabila membina penampan mudah tunai berjaga-jaga (*precautionary liquidity buffers*). Hal ini berikutan jangkaan tentang pengeluaran deposit susulan berakhirnya pengecualian sedia ada bagi cukai terhadap pendapatan pelabur bukan individu dalam dana pasaran wang runcit pada 1 Januari 2022.

[9] Kadar deposit tetap benar dikira dengan mengambil perbezaan antara kadar deposit tetap nominal dengan jangkaan inflasi. Jangkaan inflasi diukur sebagai kadar jangkaan purata inflasi bagi tempoh 12 bulan yang akan datang (berdasarkan data daripada Consensus Economics). Pengukuran ini dianggarkan melalui kadar purata unjuran bagi kalendar tahun semasa dan kalendar bagi tahun hadapan dengan wajaran diberikan mengikut bahagian mereka dalam tempoh unjuran 12 bulan ke hadapan. Kaedah pengukuran ini sebanding dengan penggunaan unjuran berdasarkan tempoh tetap seperti yang terdapat dalam penulisan akademik, termasuk oleh Dovern et al. (2012) dan Siklos (2013).

R23 Kadar Faedah (pada akhir tempoh)



- Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran
- Kadar Dasar Semalaman (OPR)
- KLIBOR 3 bulan
- Kadar deposit tetap (FD) benar 3 bulan
- Kadar deposit tetap (FD) benar 12 bulan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Consensus Economics

R24 Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



- Lain-lain
- Repo
- Sekuriti hutang BNM
- Peminjaman pasaran wang (tidak termasuk repo)
- Keperluan Rizab Berkanun (SRR)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem untuk memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan.

Mudah tunai terkumpul yang ditempatkan di Bank meningkat pada suku pertama tahun 2022, sebahagiannya mencerminkan operasi suntikan mudah tunai yang lebih tinggi pada tempoh tersebut. Pada peringkat institusi, hampir semua bank mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai dengan Bank pada akhir bulan Mac 2022.

Pembiayaan bersih terus menyokong kegiatan ekonomi

Pada akhir suku pertama tahun 2022, pembiayaan bersih meningkat sebanyak 4.5% pada asas tahunan (S4 2021: 4.7%). Peningkatan yang sederhana sedikit ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul[10] yang lebih rendah (4.6%; S4 2021: 5.4%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul[11] kekal pada 4.4% (S4 2021: 4.4%).

Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana kepada 4.3% (S4 2021: 4.8%), mencerminkan pertumbuhan yang lebih rendah[12] bagi pinjaman modal kerja terkumpul[13] (6.3%; S4 2021: 7.4%) dalam keadaan pertumbuhan pembayaran balik pinjaman yang terus tinggi. Pengeluaran pinjaman modal kerja terus mencatatkan pertumbuhan positif yang kukuh pada suku tersebut (21.2%; S4 2021: 32.8%; purata suku tahunan 2017-19: 4.7%), dalam keadaan permohonan pinjaman yang lebih tinggi dan pengeluaran kemudahan kredit sedia ada yang berterusan oleh syarikat untuk menguruskan aliran tunai mereka. Sementara itu, pinjaman terkumpul berkaitan pelaburan[13] mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sedikit (1.6%; S4 2021: 1.4%), mencerminkan pertumbuhan dalam segmen PKS.

Bagi isi rumah, pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat (4.8%; S4 2021: 4.2%), dengan pertumbuhan lebih tinggi dicatatkan merentas kebanyakan tujuan pinjaman. Pertumbuhan pengeluaran pinjaman kekal teguh pada 12.7% (S4 2021: 9.5%; purata suku tahunan 2017-19: 5.8%) sejajar dengan permintaan pinjaman[14] yang terus menggalakkan terutamanya untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang. Bayaran balik pinjaman pada suku tersebut juga mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi (3.3%; S4 2021: -4.6%), apabila sesetengah peminjam menyambung semula bayaran balik pinjaman berikutan berakhirnya program bantuan bayaran balik pinjaman secara beransur-ansur.

R25 Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

[10] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[11] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[12] Pertumbuhan yang lebih rendah ini sebahagiannya mencerminkan kesan asas yang tinggi pada suku pertama tahun 2021.
[13] Klasifikasi pinjaman perniagaan berdasarkan tujuan hanya tersedia untuk sistem perbankan.
[14] Berdasarkan permohonan pinjaman kepada sistem perbankan.

Halaman sengaja dikosongkan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) membuat keputusan untuk mula mengurangkan tahap akomodasi monetari pada mesyuarat bulan Mei 2022. Pengurangan ini akan dilaksanakan secara terkawal dan beransur-ansur bagi memastikan dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam persekitaran harga yang stabil.
- Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan sebanyak 25 mata asas kepada paras baharu iaitu 2.00%.

Dasar monetari kekal akomodatif

Setelah mengekalkan OPR pada 1.75% semasa mesyuarat MPC pada bulan Januari dan Mac 2022, MPC membuat keputusan untuk mula mengurangkan tahap akomodasi monetari dengan menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 2.00% pada mesyuarat MPC pada bulan Mei 2022.

Pada mesyuarat MPC yang terkini pada bulan Mei, MPC menilai bahawa pembukaan semula ekonomi global yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik terus menyokong pemulihan kegiatan ekonomi. Hal ini telah mengurangkan sebahagian daripada kesan konflik ketenteraan di Ukraine dan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang ketat di China. Tekanan inflasi telah meningkat secara mendadak disebabkan oleh kenaikan harga komoditi, rantaian bekalan yang tertekan dan keadaan permintaan yang kukuh, khususnya di Amerika Syarikat. Kesannya, beberapa bank pusat dijangka membuat pelarasan pada penetapan dasar monetari mereka pada kadar yang lebih pantas bagi mengurangkan risiko inflasi. Prospek pertumbuhan global akan terus dipengaruhi oleh perkembangan berhubung dengan konflik di Ukraine, COVID-19, keadaan rantaian bekalan global, kejutan harga komoditi dan volatiliti pasaran kewangan.

Bagi ekonomi Malaysia, penunjuk terkini yang tersedia menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh, didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih mantap dalam keadaan pertumbuhan eksport yang mampan. Pasaran pekerja terus disokong oleh kadar pengangguran yang lebih rendah, penyertaan tenaga kerja yang lebih tinggi dan prospek pendapatan yang lebih baik. Peralihan ke fasa endemik pada 1 April 2022 akan memperkukuh kegiatan ekonomi, sejajar dengan

pelonggaran sekatan selanjutnya dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Aktiviti dan prospek pelaburan juga bertambah baik, disokong oleh realisasi projek berbilang tahun dan prospek pertumbuhan yang positif. Walau bagaimanapun, risiko terhadap pertumbuhan masih wujud, termasuk pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, konflik geopolitik yang berterusan, gangguan rantaian bekalan yang bertambah teruk dan perkembangan buruk berhubung dengan COVID-19.

Inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 2.2% hingga 3.2% pada tahun 2022. Memandangkan peningkatan kegiatan ekonomi dalam keadaan tekanan kos yang berlarutan, inflasi asas seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka meningkat untuk mencatatkan purata antara 2.0% hingga 3.0% pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, tekanan harga menaik akan dibendung sebahagiannya oleh kawalan harga yang sedia ada dan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Prospek inflasi terus dipengaruhi oleh perkembangan harga komoditi global yang berpunca terutamanya daripada konflik ketenteraan yang berterusan di Ukraine serta gangguan berkaitan bekalan yang berlanjutan, di samping langkah-langkah dasar dalam negeri mengenai harga yang ditadbir.

Sepanjang krisis COVID-19, OPR dikurangkan sebanyak 125 mata asas secara kumulatif kepada paras terendah yang belum pernah dicatatkan sebelum ini, iaitu 1.75 peratus, bagi memberikan sokongan terhadap ekonomi. Keadaan pandemik yang pertama kali berlaku sehingga memerlukan tindakan sedemikian kini telahpun reda. Dengan pertumbuhan dalam negeri yang semakin kukuh, MPC mengambil keputusan untuk mula mengurangkan tahap akomodasi monetari. Pengurangan ini akan dilaksanakan secara terkawal dan beransur-ansur bagi memastikan dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam persekitaran harga yang stabil.

Sorotan dasar lain pada suku pertama 2022

Sorotan dasar	Butiran penting
Dokumen Dasar berhubung dengan Kadar Islam Semalaman Malaysia (MYOR-i)	• Dokumen Dasar yang diterbitkan pada 25 Mac 2022 menetapkan reka bentuk, kaedah dan rangka kerja tadbir urus penanda aras bagi memastikan integriti MYOR-i, yang menggantikan Kadar Rujukan Islam Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Islamic Reference Rate, KLIRR). • MYOR-i ialah kadar penanda aras Islam berasaskan transaksi yang pertama di dunia. MYOR-i dibangunkan menurut Prinsip untuk Penanda Aras Kewangan dan telah disahkan oleh Majlis Penasihat Shariah Bank sebagai patuh Syariah. o MYOR-i ditadbir dan dikira oleh Bank. MYOR-i merupakan kadar purata pulangan berwajaran jumlah bagi urus niaga Ringgit semalaman patuh Syariah antara bank tanpa cagaran, yang termasuk operasi monetari semalaman Islam oleh Bank. o MYOR-i pada masa ini adalah berdasarkan instrumen Komoditi Murabahah. Instrumen patuh Syariah baharu boleh dimasukkan pada masa hadapan. • Dengan menyediakan ketelusan bagi peserta pasaran untuk membuat perundingan dan menyeragamkan kontrak kewangan MYOR-i akan menyokong inovasi produk kewangan Islam dan menggalakkan penentuan harga yang cekap merentas semua instrumen kewangan. Hal ini akan membantu menperdalam pasaran kewangan Islam dalam negeri dan meningkatkan peranannya dalam membiayai kegiatan ekonomi benar di Malaysia.
Kertas Perbincangan berhubung dengan Rangka Kerja Pelesenan untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful Digital (Digital Insurers and Takaful Operators, DITO)	• Kertas Perbincangan yang diterbitkan pada 4 Januari 2022 menerangkan cadangan rangka kerja pelesenan untuk DITO. Kemasukan DITO adalah bertujuan untuk menangani jurang perlindungan kritikal di Malaysia dengan memberikan perkhidmatan kepada pasaran yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan, melalui penawaran produk yang berdaya saing dan pengalaman pelanggan yang bertambah baik menerusi kaedah digital atau elektronik. • Kertas Perbincangan tersebut menggariskan: o cadangan keperluan kemasukan DITO seperti kriteria penilaian utama untuk pelesenan DITO, termasuk pernyataan cabaran (*challenge statements*) untuk membimbing DITO dalam menunjukkan tawaran nilai; dan o keperluan pengawalseliaan yang berkenaan semasa fasa asas operasi DITO. • Kertas Perbincangan juga mempelawa maklum balas tentang jenis model perniagaan berlainan yang boleh dipertimbangkan dalam rangka kerja pelesenan untuk DITO yang dicadangkan.
Kertas Perbincangan berhubung Perluasan Aplikasi *Ta'awun* dalam Takaful	• Kertas Perbincangan yang diterbitkan pada 11 Mac 2022 menggariskan perspektif Bank berhubung dengan aplikasi saling membantu (*ta'awun*) yang lebih meluas oleh pengendali takaful dan takaful semula profesional berlesen (TO) dalam perniagaan takaful keluarga dan am. Hal ini akan membolehkan TO memanfaatkan sepenuhnya potensi *ta'awun*, dengan matlamat untuk meningkatkan daya tahan sosioekonomi yang lebih menyeluruh dan memenuhi keperluan segmen yang tidak mendapat/ kurang mendapat perkhidmatan kewangan. • Kertas Perbincangan ini menggariskan: o cadangan skop aplikasi *ta'awun* yang lebih meluas dalam perniagaan takaful; o cadangan prinsip dan parameter Syariah; o skop cadangan kajian semula keperluan pengawalseliaan sedia ada; dan o potensi cabaran dan kekangan operasi.

Halaman sengaja dikosongkan.

Tinjauan Makroekonomi

Sorotan

- Pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana pada tahun 2022.
- Ekonomi Malaysia dijangka terus bertambah baik pada tahun 2022.
- Inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 2.2% dan 3.2% pada tahun 2022.

Ketegangan geopolitik yang berterusan menyebabkan pertumbuhan global menjadi lebih perlahan pada tahun 2022

Pada tahun 2022, pertumbuhan global diunjurkan terus berada pada landasan pemulihannya, disokong oleh pembukaan semula ekonomi yang berterusan dan pasaran pekerja yang lebih kukuh. Namun begitu, konflik ketenteraan di Ukraine dijangka akan menjejaskan kadar pemulihan global. Gangguan dalam pengeluaran dan perdagangan komoditi telah menaikkan harga komoditi dan terus meningkatkan semula gangguan rantaian bekalan. Hal ini dijangka mendorong kepada peningkatan inflasi yang akan memburukkan lagi tekanan kos ke atas syarikat, di samping menjejaskan sentimen dan perbelanjaan pengguna.

Seterusnya, penularan semula COVID-19 di China, bersama-sama dengan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan COVID-19 yang ketat, akan mengekang kegiatan ekonomi dalam tempoh terdekat. Walau bagaimanapun, kekangan ini dijangka akan diimbangi sebahagiannya oleh sokongan dasar dan pemulihan dalam kegiatan ekonomi sebaik sahaja ekonomi dibuka semula. Prospek pertumbuhan juga akan terjejas akibat keadaan kewangan global yang lebih ketat, terutamanya dalam ekonomi sedang pesat membangun. Hal ini berikutan dasar monetari yang lebih ketat dalam ekonomi maju bagi menangani inflasi yang meningkat. Dasar monetari yang lebih ketat dijangka berlaku pada kadar yang lebih cepat, terutamanya dalam ekonomi maju, mencerminkan risiko inflasi yang lebih tinggi. Risiko inflasi berpunca daripada harga tenaga yang meningkat dan kebimbangan berhubung dengan kemungkinan jangkaan inflasi yang tidak menentu, terutamanya dalam persekitaran pasaran pekerja yang ketat.

Imbangan risiko terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan. Ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, terutamanya antara Rusia dan negara Barat, mungkin menyebabkan gangguan ekonomi selanjutnya dan harga yang lebih tinggi. Selain itu, COVID-19 terus menjadi punca risiko, terutamanya jika terdapat kemunculan varian baharu yang membimbangkan yang menyebabkan vaksin sedia ada menjadi kurang berkesan. Wujud juga risiko bahawa inflasi yang tinggi akan berlarutan lebih lama daripada jangkaan, yang boleh menyebabkan dasar monetari kembali ke paras wajar dengan lebih cepat daripada jangkaan dalam ekonomi maju. Hal ini boleh meningkatkan risiko krisis mata wang dan perbankan yang sedia ada dalam ekonomi sedang pesat membangun yang mudah terjejas. Sebaliknya, potensi pertumbuhan lebih pantas boleh terhasil daripada sokongan dasar tambahan serta pelaksanaan pemberian dos penggalak dan rawatan antivirus yang lebih cepat daripada jangkaan. Pelaksanaan pemberian dos penggalak dan rawatan antivirus ini dapat mengurangkan kesan buruk dan tempoh sekatan pergerakan berkaitan COVID-19.

Ekonomi Malaysia dijangka terus bertambah baik pada tahun 2022

Pemulihan ekonomi Malaysia dijangka lebih kukuh pada tahun 2022. Pemulihan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih mantap, pengembangan permintaan luaran yang berterusan dan pasaran pekerja yang bertambah baik. Pelonggaran sekatan selanjutnya dan pembukaan semula sempadan antarabangsa juga akan memperkukuh kegiatan ekonomi. Aktiviti pelaburan juga diunjurkan bertambah baik, disokong oleh realisasi projek berbilang tahun dan prospek pertumbuhan yang positif.

Walau bagaimanapun, risiko terhadap prospek pertumbuhan Malaysia terus wujud. Risiko ini termasuk pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, konflik geopolitik yang berterusan, gangguan rantaian bekalan yang bertambah teruk, perkembangan buruk berhubung dengan COVID-19 dan volatiliti pasaran kewangan yang ketara.

Inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 2.2% dan 3.2% pada tahun 2022

Pada tahun 2022, inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 2.2% dan 3.2%. Memandangkan peningkatan kegiatan ekonomi dalam keadaan tekanan kos yang berlarutan, inflasi teras dijangka meningkat untuk mencatatkan purata antara 2.0% dan 3.0% pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, tekanan harga menaik akan dibendung sebahagiannya oleh kawalan harga yang sedia ada dan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Prospek inflasi terus dipengaruhi oleh perkembangan harga komoditi yang berpunca terutamanya daripada konflik ketenteraan yang berterusan di Ukraine serta gangguan berkaitan bekalan yang berlanjutan, di samping langkah-langkah dasar dalam negeri mengenai harga yang ditadbir.

Tambahan

J1 KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2021 (%)	2021					2022
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)					
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.7	-1.0	12.3	-4.2	1.9	1.7	4.4
Sektor swasta	74.4	-0.9	13.0	-4.4	2.5	2.0	4.4
Penggunaan	*58.8*	*-1.5*	*11.7*	*-4.2*	*3.7*	*1.9*	*5.5*
Pelaburan	*15.6*	*1.3*	*17.3*	*-4.9*	*-2.8*	*2.6*	*0.4*
Sektor awam	18.3	-1.7	9.0	-3.5	0.1	0.6	4.8
Penggunaan	*13.8*	*5.6*	*8.2*	*7.1*	*1.6*	*5.3*	*6.7*
Pelaburan	*4.5*	*-18.5*	*12.0*	*-28.9*	*-3.4*	*-11.3*	*-0.9*
Eksport Bersih	6.0	6.6	57.6	-39.9	0.8	-4.1	-26.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*69.1*	*11.7*	*37.1*	*4.2*	*13.0*	*15.4*	*8.0*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*63.1*	*12.2*	*35.5*	*11.4*	*14.5*	*17.7*	*11.1*
KDNK Benar	**100.0**	**-0.5**	**15.9**	**-4.5**	**3.6**	**3.1**	**5.0**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**2.4**	**-0.8**	**-2.7**	**4.6**	**-**	**3.9**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

J2 KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)

	Bahagian 2021 (%)	2021					2022
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1
		Pertumbuhan tahunan (%)					
Perkhidmatan	57.0	-2.3	13.4	-4.9	3.2	1.9	6.5
Perkilangan	24.3	6.7	26.7	-0.8	9.1	9.5	6.6
Pertanian	7.1	0.1	-1.5	-2.0	2.8	-0.2	0.2
Perlombongan	6.7	-4.4	10.6	-3.2	-0.6	0.3	-1.1
Pembinaan	3.7	-10.4	40.3	-20.6	-12.2	-5.2	-6.2
KDNK Benar	**100.0**	**-0.5**	**15.9**	**-4.5**	**3.6**	**3.1**	**5.0**

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

J3 Imbangan Pembayaran[1]

	2021			2022
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	**11.9**	**15.3**	**58.7**	**3.0**
(% daripada KDNK)	*3.2*	*3.6*	*3.8*	*0.7*
Barangan	36.7	51.8	170.6	40.5
Perkhidmatan	-14.8	-15.4	-60.7	-15.0
Pendapatan primer	-6.3	-19.6	-41.6	-20.1
Pendapatan sekunder	-3.7	-1.4	-9.6	-2.5
Akaun Kewangan	**16.6**	**0.7**	**13.0**	**30.4**
Pelaburan langsung	1.8	10.5	28.5	20.8
Aset	-8.0	-17.2	-48.9	9.1
Liabiliti	9.8	27.7	77.4	11.7
Pelaburan portfolio	-0.2	2.6	18.8	-10.1
Aset	-14.3	-6.1	-35.8	-13.9
Liabiliti	14.2	8.7	54.6	3.8
Derivatif kewangan	0.3	-1.8	-2.3	0.2
Pelaburan lain	14.7	-10.6	-32.0	19.6
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	-11.3	-13.1	-25.5	-20.6
Imbangan Keseluruhan	**17.1**	**2.6**	**45.7**	**12.8**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.

[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

J4 Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2021		2022
	akhir Mac	akhir Dis	akhir Mac
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**1,042.0**	**1,082.1**	**1,111.2**
Bersamaan USD bilion	*248.4*	*259.8*	*264.4*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	174.8	197.2	194.8
Peminjaman antara bank[1]	227.8	176.7	192.9
Pinjaman antara syarikat berkaitan[1]	132.0	144.3	146.5
Pinjaman[1]	77.1	73.7	74.1
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	236.4	255.1	258.1
Deposit bukan pemastautin	100.1	99.9	104.9
Peruntukan Hak Pengeluran Khas (SDR) IMF	7.9	28.1	28.1
Lain-lain[2]	85.7	107.0	111.9
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	610.1	676.3	683.6
Jangka pendek	431.9	405.7	427.6
Denominasi mata wang			
Ringgit	349.2	373.0	381.3
Asing	692.8	709.1	729.9
Jumlah hutang / KDNK (%)	73.3	70.0	69.6
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	41.4	37.5	38.5
Rizab / Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	1.0	1.2	1.1[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 April 2022.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

J5 Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2021			2022	2021			2022
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan dalam tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah pembiayaan bersih	**33.6**	**47.4**	**125.4**	**30.3**	**4.7**	**4.7**	**4.7**	**4.5**
Terkumpul:								
Pinjaman[1,2]	24.5	37.3	87.7	26.1	4.3	4.4	4.4	4.4
Perusahaan perniagaan	13.1	12.2	32.5	10.2	1.6	4.8	4.8	4.3
PKS	3.9	6.2	14.9	7.6	10.0	4.9	4.9	6.0
Bukan PKS	9.2	5.9	17.6	2.6	-4.3	4.7	4.7	2.9
Isi rumah	7.8	27.3	50.0	15.0	6.0	4.2	4.2	4.8
Bon korporat[3]	9.2	10.1	37.6	4.2	5.9	5.4	5.4	4.6

[1] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
[3] Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J6 Penunjuk Pinjaman

	2021			2022	2021			2022
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah								
Permohonan pinjaman[1]	220.6	263.7	928.1	239.4	11.9	17.6	12.7	8.5
Kelulusan pinjaman[1]	89.9	117.1	394.9	105.9	3.5	14.8	11.7	17.8
Pengeluaran pinjaman[2]	361.2	417.6	1492.8	415.3	14.5	26.0	23.1	15.0
Bayaran balik pinjaman[2]	355.9	392.4	1468.5	403.3	11.3	17.9	23.0	13.3
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan[3]								
Permohonan pinjaman	80.7	92.9	351.5	89.1	-12.7	12.3	-1.0	10.4
Kelulusan pinjaman	35.6	51.3	172.3	42.7	-14.1	20.9	5.1	20.2
Pengeluaran pinjaman	267.4	308.7	1131.9	309.6	18.5	33.1	30.5	15.8
Bayaran balik pinjaman	258.8	302.2	1114.4	303.0	17.5	26.8	28.2	17.1
PKS								
Permohonan pinjaman	39.4	46.4	171.2	45.1	-16.9	6.1	-5.4	14.3
Kelulusan pinjaman	15.2	19.7	67.9	21.2	7.1	10.9	9.6	39.9
Pengeluaran pinjaman	77.6	84.5	312.2	87.9	22.2	15.3	21.6	13.3
Bayaran balik pinjaman	73.7	78.5	301.8	84.8	11.9	9.4	23.7	15.1
Bukan PKS[3]								
Permohonan pinjaman	41.3	46.5	180.2	44.1	-8.2	19.2	3.5	6.7
Kelulusan pinjaman	20.4	31.5	104.5	21.5	-25.2	28.1	2.4	5.5
Pengeluaran pinjaman	189.8	224.2	819.7	221.7	17.0	41.3	34.2	16.8
Bayaran balik pinjaman	185.1	223.6	812.5	218.2	19.9	34.4	30.0	17.9
Isi Rumah								
Permohonan pinjaman	139.9	170.8	576.6	150.2	33.7	20.6	23.0	7.4
Kelulusan pinjaman	54.4	65.9	222.6	63.2	19.6	10.5	17.4	16.2
Pengeluaran pinjaman	93.8	109.0	360.9	105.7	4.7	9.5	4.5	12.7
Bayaran balik pinjaman	97.1	90.2	354.1	100.3	-2.5	-4.6	9.0	3.3

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja.
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Berkuat kuasa 1 April 2020, suatu moratorium telah dilaksanakan secara automatik untuk bayaran balik pinjaman / pembiayaan oleh peminjam isi rumah dan PKS untu tempoh enam bulan.
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J7 Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan

	2021				2022
	S1	S2	S3	S4	S1[a]
Pulangan atas ekuiti (%)[1]	8.3	9.7	9.4	9.5	11.1
Pulangan atas aset (%)[1]	0.9	1.1	1.1	1.1	1.2
	RM juta				
Pendapatan faedah bersih	14,175	14,630	13,711	14,682	14,794
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,189	2,880	2,861	3,122	2,922
Tolak: Kos operasi[2]	11,442	8,998	8,776	9,393	8,907
Keuntungan operasi kasar	5,922	8,511	7,796	8,412	8,809
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	1,543	2,155	2,689	2,064	1,055
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	4,379	6,357	5,107	6,348	7,754
Campur: Pendapatan lain[1]	2,719	3,231	2,677	2,393	2,008
Untung sebelum cukai[1]	**7,098**	**9,587**	**7,784**	**8,741**	**9,762**
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan)[1]	-1.8	0.8	0.3	1.1	2.8
Pulangan atas aset (mata peratusan)[1]	-0.21	0.09	0.02	0.11	0.29
Pendapatan faedah bersih	11.6	47.2	0.5	5.6	4.4
Campur: Pendapatan berasaskan fi	23.5	24.8	0.3	-1.0	-8.4
Tolak: Kos operasi[2]	32.9	9.9	3.7	6.4	-22.2
Keuntungan operasi kasar	-11.2	109.9	-2.9	2.2	48.8
Tolak: Peruntukan jejas nilai[3] dan lain-lain	-44.1	-10.3	-17.9	-65.2	-31.6
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	12.0	284.5	7.4	176.1	77.1
Campur: Pendapatan lain[1]	-37.9	-31.8	-25.5	-23.9	-26.2
Untung sebelum cukai[1]	**-14.4**	**50.0**	**-6.8**	**60.6**	**37.5**

[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.
[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J8 Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2021				2022
	S1	S2	S3	S4	S1[a]
	RM juta				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-630	4,314	5,129	3,525	2,649
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	710	1,076	928	354	234
Nisbah tuntutan (%)	55	51	52	61	63
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	94.6	-73.6	-36.1	-62.2	520.4
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	30.2	-6.7	21.5	-61.1	-67.1
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-4.7	-1.6	-3.8	8.3	8.6

a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

J9 Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2021			2022
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	49.5	88.1	233.8	62.8
Pertumbuhan tahunan (%)	*9.3*	*14.5*	*3.9*	*26.7*
Perbelanjaan mengurus	62.2	63.5	231.5	64.6
Pertumbuhan tahunan (%)	*0.2*	*18.1*	*3.1*	*3.8*
Akaun semasa	**-12.7**	**24.6**	**2.3**	**-1.8**
Perbelanjaan pembangunan bersih	15.3	13.3	63.3	16.6
Pertumbuhan tahunan (%)	*40.9*	*-34.4*	*26.3*	*8.7*
Kumpulan Wang COVID-19[1]	9.1	14.3	37.7	5.4
Imbangan keseluruhan	**-37.1**	**-2.9**	**-98.7**	**-23.8**
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	86.6	91.0	332.5	86.6
Pertumbuhan tahunan (%)	*17.9*	*7.9*	*6.3*	*0.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	917.5	979.8	979.8	1005.8
Hutang Dalam Negeri	671.9	714.0	714.0	736.6
Hutang Luar Negeri	245.6	265.9	265.9	269.2
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*222.2*	*240.4*	*240.4*	*244.4*
Peminjaman luar pesisir	*23.4*	*25.5*	*25.5*	*24.9*

a Awalan

[1] Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia